

**TITAH UCAPAN  
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR  
DI MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-EMPAT  
SIDANG DEWAN NEGERI SELANGOR KALI KE-12  
PADA HARI ISNIN, 28 MAC 2011  
BERSAMAAN 23 RABIULAKHIR 1432  
DI BANGUNAN SIDANG DEWAN NEGERI SELANGOR  
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan sekelian alam. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta keluarga dan sahabat Baginda.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat llahi kerana dengan izin-Nya dapat sekali lagi Beta hadir untuk bertitah sempena Majlis Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang Dewan Negeri Selangor yang ke-12.

Beta berharap Dewan yang dimuliakan ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu khusus yang melibatkan kepentingan rakyat. Justeru, dengan amanah yang diberi, keutamaan semua wakil rakyat adalah untuk hadir ke dewan ini berbahas dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial. Jadilah wakil rakyat yang bertanggungjawab kerana ianya akan dipersoal dan dihakimi kelak.

Peranan utama Ahli-Ahli Yang Berhormat ialah membahaskan persoalan dasar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor perlu membangun program yang memberi impak sebenar kepada erti hidup bernegara, bukan hanya memenuhi syarat bagi kelulusan perbelanjaan. Setiap perkara yang mahu dibahaskan, termasuk pengenalan, pindaan atau penghapusan sebarang Enakmen perlulah dikaji dan dibahaskan secara mendalam dan demokrasi serta penghujahan hendaklah disampaikan secara intelektual dan bukan secara emosi, mendahuluikan kepentingan rakyat dan negeri berbanding parti masing-masing di samping tidak bercanggah dengan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor dan Perlembagaan Persekutuan sebagai induk.

Sempena penggal baru ini, Beta berharap kita semua akan bekerja dengan niat yang baik serta memberi kerjasama yang perlu kepada kepimpinan negeri yang diketuai oleh Memanda Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim. Beta sendiri sentiasa berbincang dengan Memanda Menteri Besar; baik dalam soal pentadbiran, ekonomi dan permasalahan sosial terutama yang melibatkan negeri Beta. Sebagai Ketua Negeri, Beta banyak memberi nasihat kepada Memanda Beta demi kesejahteraan rakyat Beta.

Beta maklum bahawa ekonomi negara kini kembali berada di landasannya dan mengikut sumber Bank Negara Malaysia, kadar pertumbuhan bagi tahun 2010 dicatatkan berjumlah Tujuh Perpuluhan Dua peratus (7.2%). Meskipun perlahan, ia cukup untuk memberi harapan dan petunjuk bahawa pilihan dasar yang diambil adalah tepat. Lebih menggembirakan Beta ialah fakta bahawa negeri Selangor merupakan penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan jumlah dua puluh satu peratus (21%).

Beta mahu semua sedar bahawa dengan status negeri maju, Selangor merupakan tumpuan rakyat dari negeri lain untuk berhijrah mencari peluang pekerjaan dan dengan itu membantu menjana ekonomi Negeri Selangor. Pada tahun 2010, jumlah pelaburan industri bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh Perpuluhan Enam Empat Bilion (RM10.64 Bilion) dengan Tiga Ratus Dua Puluh Lima (325) projek industri berteknologi tinggi diluluskan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak Empat Puluh Tujuh (47) projek berbanding jumlah projek pada tahun 2009. Pada masa yang sama, Beta mahu Memanda Menteri Besar dan seluruh Ahli Mesyuarat Kerajaan negeri terus bekerja dengan lebih kuat, meningkatkan kepekaan dan kelancaran pengurusan untuk kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Memang benar kita sudah keluar dari kemelut ekonomi global dan ekonomi negara kini mulai berkembang dengan lebih pesat. Namun kita harus sentiasa bersiap sedia berhadapan dengan iklim ekonomi dunia yang ada kalanya tidak menentu; khusus di Amerika, Eropah dan Timur Tengah. Jangan kita leka dan situasi global seharusnya dipantau. Pada masa yang sama jangan kita berbelanja secara boros dan tanpa kawalan. Pengalaman lalu harus kitajadikan tauladan. Negeri Selangor hendaklah sentiasa melakukan perbelanjaan secara berhemah dan mengelakkan daripada berlaku pembaziran yang boleh merugikan negeri yang kita cintai ini.

Beta harap Belanjawan 2011 yang bertemakan ‘Hasil Negeri Untuk Rakyat’ dengan Empat (4) Strategi Utama yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri Selangor iaitu pengurusan sumber negeri secara bijaksana, pengurusan perbelanjaan yang cekap, mendokong pembangunan modal insan dan melestarikan pembangunan negeri dengan baik dan berkesan supaya dapat memangkin agenda ini.

Selaras dengan tema Hasil Negeri Untuk Rakyat, sumber negeri harus diuruskan dengan bijaksana untuk mendapatkan pulangan optima. Dengan terjananya lebihan pendapatan, peluang untuk memulangkannya kepada rakyat juga akan meningkat. Kita tidak akan boleh memberikan sesuatu sekiranya kita tidak mempunyai sesuatu. Sebagai negeri maju yang mendapat banyak hasil, Program Merakyatkan Negeri Selangor (MES) perlu diperhebat ke peringkat seterusnya. Beta berharap Fasa Ketiga Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) iaitu sistem kredit mikro untuk kumpulan sasar di kawasan luar bandar dan pedalaman serta untuk masyarakat miskin di bandar akan segera digerakkan.

Beta difahamkan bahawa sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta (RM50 Juta) akan disalurkan di bawah Skim Kredit Mikro dengan nama SKIMSEL di bawah Yayasan *Dar Al Qard Al Hasan* untuk kumpulan sasaran pertama dan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta (RM20 juta) yang akan disalurkan di bawah Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) untuk kumpulan sasaran kedua. Beta berharap kemudahan Skim Kredit Mikro ini dapat diuruskan dengan cekap dan telus untuk membantu mereka yang memerlukan dan para peminjam juga hendaklah mempunyai sikap bertanggungjawab yang sewajarnya.

Beta gembira dengan pencapaian peningkatan hasil cukai dan urus niaga berkaitan tanah yang meningkat dari kadar tujuh puluh lima (75) peratus ke lapan puluh (80) peratus daripada keseluruhan hasil negeri. Beta berharap sasaran kutipan hasil sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Dua Juta (RM152 juta) pada tahun ini dapat direalisasikan. Beta juga berkenan dengan inisiatif kerajaan yang berusaha mewujudkan bank data tanah bagi tahun ini. Harapan Beta dengan adanya bank data tanah ini akan lebih memudahkan pengurusan di samping usaha merancang pembangunan setara di seluruh kawasan negeri Beta. Birokrasi remeh harus dielakkan dan ditangani dengan bijak. Beta harap usaha mempertingkat pembangunan negeri dirancang dan disusun untuk menangani pelbagai isu seperti kepadatan, kelestarian alam sekitar, aktiviti ekonomi dan keselamatan. Manfaat optima perlu dikenal pasti.

Sambil kita bersyukur dan bergembira dengan kelebihan yang ada ini, Beta berkenan mengingatkan rakyat Beta bahawa sumber yang ada itu terhad dan disebabkan itu ianya menuntut sikap amanah yang tinggi. Limpahan hasil yang tinggi tidak akan memberi makna jika tidak diurus secara berhemat dan berhemah. Justeru, Beta tidak mahu kerajaan melindungi sesiapa yang berlaku curang terhadap amanah ini termasuk di kalangan rakan atau keluarga sendiri. Sebaliknya, keberanian mengambil sikap yang tegas dan jelas untuk memerangi salah laku yang demikian wajib disokong oleh semua rakyat. Sikap tegas dan jelas dalam hal sebegini perlu untuk mewujudkan satu budaya pentadbiran yang boleh dipercayai serta dihormati.

Beta berkenan supaya Negeri Selangor menjadi negeri yang selesa didiami melalui penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dengan fokus kepada konsep “*Cleaner, Greener and Safer Selangor*”. Beta berkenan konsep ini dipraktikkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing supaya rakyat Beta akan sentiasa berada dalam persekitaran yang selamat, bersih dan menghijau. Tahap keselesaan kediaman yang tinggi ini termasuklah perkhidmatan awam yang cekap dan sentiasa dapat dihubungi. Sistem pengangkutan awam dan telekomunikasi yang lengkap dan menghubungkan seluruh pelosok negeri, sistem pengurusan air dan alam sekitar yang mapan. Sistem keadilan dan pencegahan jenayah hendaklah adil dan efektif. Manakala dasar kawalan imigrasi yang wajar dan teratur, serta peluang pekerjaan yang mampu menyara taraf hidup minima untuk rakyat negeri Selangor, bersesuaian dengan kedudukan negeri Selangor sebagai negeri maju.

Meskipun kadar jenayah dikatakan menurun, Beta yakin hasrat sebenar rakyat ialah untuk menikmati persekitaran hidup yang bebas jenayah sepenuhnya dan selamat. Bagi mencapai pelbagai tujuan berkaitan kualiti hidup ini, kerjasama dengan pelbagai agensi berkaitan perlu diwujudkan untuk tujuan khusus misalnya pihak polis boleh memberi maklum kawasan kekerapan jenayah di mana penempatan kamera litar tertutup (CCTV) dapat membantu pihak berkuasa mengesan mereka yang melakukan dan terlibat dalam sesuatu jenayah.

Beta difahamkan, kerajaan Selangor pada tahun lalu telah menjelajah ke seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi bertemu rakyat dari pelbagai latar belakang agama, kaum, jantina, usia, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mereka. Pandangan tersebut telah diintegrasikan dengan pandangan pihak-pihak daripada sektor swasta, pemimpin sosial, intelektual dan sebagainya. Pendekatan “ dari bawah ke atas ” ini adalah cara baik kerana lazimnya penduduk tempatan lebih memahami keperluan dan situasi mereka. Langkah ini penting untuk mencari titik tengah dalam memacu pembangunan agar tidak ada yang tertinggal jauh dan tidak merasa nikmat pembangunan itu sendiri. Selain itu, ia penting sebagai satu mekanisma pemantauan gerak kerja kerajaan dalam perancangan jangka masa panjang dan sederhana kerana perkembangan dunia dan domestik yang sentiasa bergerak.

Beta difahamkan hasil penjelajahan ke seluruh negeri ini telahpun siap dibukukan dan diberi nama **Agenda Selangor Untuk Rakyat 2011-2013 ( ARUS )**. Beta harap dokumen ARUS 2011-2013 yang akan dilancarkan tidak lama lagi akan dibahaskan oleh rakyat dan kakitangan kerajaan di pelbagai peringkat dengan maksud untuk bersama melakukan perubahan bagi menjayakannya demi kebaikan semua.

Beta tidak mahu usaha dan perancangan yang ada hanya bersifat akademik dan tidak diusahakan secara bersungguh-sungguh untuk menterjemahkannya dalam tindakan. Kerajaan Beta mesti berfikir dan berusaha untuk menggerakkan projek-projek pemacu yang boleh diilhamkan daripada dokumen ini dengan sasaran khusus yang nanti boleh dilihat dan dirasai hasilnya serta memberi pulangan bermakna terhadap kos dan kegunaan semua. Beta berharap masalah birokrasi kerajaan tidak akan menjadi penghalang berterusan kepada manfaat yang lebih banyak boleh diperolehi. Jika perlu, pengubahsuaian sistem pentadbiran kerajaan boleh diperkenalkan untuk menangani masalah tersebut. Dengan teknologi yang berkembang, Beta yakin ia dapat dilakukan.

Penjawat awam mesti kembali merenung semula peranan besar mereka dalam menggerakkan pembangunan negeri dan tidak mengambil sikap selesa apatah lagi melakukan penyelewengan. Kaedah menjadikan persekitaran hidup di negeri ini lebih baik secara menyeluruh termasuk aspek dasar dan amalan mesti difikirkan bersama kerana penjawat awamlah yang menjadi barisan depan perlaksanaan dasar. Masyarakat awam mestilah merasai perkhidmatan awam sebagai pembantu yang memudahkan urusan mereka diselesaikan. Semakin banyak masalah diselesaikan, semakin banyak perkara-perkara baru boleh dicapai dan ini akan mendorong kemajuan.

Dengan peranan besar negeri Selangor dalam ekonomi negara, Beta mahu integrasi ekonomi dan kesinambungannya memberi penekanan kepada meningkatkan penyediaan peluang pekerjaan kepada semua di pelbagai sektor ekonomi. Penekanan ini penting kerana ia merupakan petunjuk pembangunan yang paling bermakna. Selain itu, fokus juga perlu diberi kepada kaedah menggandakan pendapatan rakyat misalnya melalui integrasi teknologi dalam amalan pertanian. Situasi ekonomi yang berkembang akan memberi cabaran kepada kuasa membeli rakyat di mana garis kemiskinan itu akan bergerak lebih tinggi. Ini dapat dilihat melalui pengalaman peningkatan sekitar empat (4) kali ganda garis kemiskinan dari dekad Sembilan Belas Tujuh Puluhan (1970-an) ke dekad terakhir antara tahun 2000-2010.

Beta percaya hasil pembangunan tidak wajar melebarkan jurang kekayaan sebaliknya menghidupkan peluang untuk semua pihak terlibat berusaha dan menyumbang di samping mendapat hasil masing-masing. Situasi semasa memberi lebih peluang untuk sektor swasta bergerak dengan lebih aktif dan dinamik dalam menggiatkan ekonomi negeri Selangor melalui penambah baik semula polisi dan peruntukan tanah negeri dengan memastikan penggunaannya lebih teratur dan memberi pulangan bermakna.

Beta berharap kerajaan akan memainkan peranan aktif dalam pelbagai projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu “*Greater Kuala Lumpur / Klang Valley*” bagi memudahkan kemasukan pelaburan dan perdagangan ke negeri Selangor. Di samping bekerjasama dalam pelbagai projek ini, Beta mahu kerajaan Beta dan para wakil rakyat sentiasa bersuara berasaskan kepentingan negeri dan rakyat negeri ini agar situasi menang-menang (*win-win situation*) kepada semua pihak dapat dicapai. Projek seperti Aliran Transit Massa (MRT) yang melibatkan laluan Sungai Buloh ke Kajang sejauh enam puluh (60) kilometer pasti akan melibatkan sejumlah isu milikan tanah termasuk kelestarian alam sekitar, kesesakan dan pelbagai masalah lain.

Semua masalah yang ada perlu ditangani dengan cara berhemah kerana projek ini nanti akan mengubah corak mobiliti penduduk di negeri ini berdasarkan fakta bahawa kemudahan ini boleh membawa sehingga Empat Ratus Ribu (400,000) orang pengguna dan dapat menjana sebanyak Seratus Tiga Puluh Ribu (130,000) peluang pekerjaan kepada rakyat, khususnya di Selangor. Selain itu, pengumuman projek *River of Life* yang selari dengan projek Pembersihan Sungai Klang di bawah Paket Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor juga harus dimanfaatkan kerana ia boleh menarik banyak pelaburan asing ke negeri ini.

Beta juga mahu negeri Selangor terus maju sebagai sebuah negeri yang didiami masyarakat yang dibangunkan secara menyeluruh meliputi aspek kerohanian, pemikiran, fizikal, emosi dan sosial dengan kesedaran sivik dan moral yang tinggi. Beta mahu Kerajaan Negeri meneruskan pelaksanaan program dan kempen untuk memperkuatkan nilai-nilai kekeluargaan, mengupayakan golongan belia dan wanita, menaikkan taraf hidup kumpulan minoriti seperti Orang Asli dan fakir miskin di seluruh negeri Selangor, menggalakkan perkembangan kegiatan keusahawanan sosial melalui pelaksanaan strategik kredit mikro serta memantau perkembangan pelaksanaan skim gaji minimum oleh Kerajaan Persekutuan.

Beta mahu Kerajaan Negeri Selangor menjadi kerajaan yang prihatin kepada rakyat dengan menambah baik pembangunan masyarakat dan keluarga secara menyeluruh, mempromosi seni, kebudayaan dan warisan negeri Selangor yang unik dan menarik, menambah baik keperluan kegiatan keagamaan, mengelakkan diskriminasi agama, kaum, gender dan sebagainya dalam pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri.

Beta sedar dalam politik tidak mungkin ada seratus peratus (100%) persetujuan dan telah diakui bahawa sistem semak dan imbang itu diperlukan bagi memastikan semua kepentingan diteliti. Jalankanlah sistem yang ada atas landasan amanah dan bukan isu peribadi akibat daripada perseteruan politik. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jagalah tingkah laku dan tatabicara samada di dalam Dewan yang mulia ini mahupun di luar kerana Ahli-ahli Yang Berhormat adalah pemimpin rakyat yang akan menjadi contoh dan ikutan. Patuhilah undang-undang di Negara dan negeri ini demi maruah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Beta mahu mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seluruh jentera kerajaan Beta termasuk angkatan tentera, anggota polis, ahli bomba dan sebagainya yang telah bertungkus lumus sebelum ini memberi khidmat terbaik dan adil kepada semua. Beta juga mahu memberi ucapan Selamat Maju jaya kepada semua khususnya Memanda Beta, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim dalam memandu kerajaan Beta dan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri untuk satu lagi tahun ke depan yang pasti mencabar.

Sebagai Raja Pemerintah Negeri Selangor, Beta memberi titah nasihat kepada semua agar dapat terus bertugas dengan lebih tekun, gigih dan mempertahankan negeri Selangor sebagai negeri terbaik di Malaysia dalam semua aspek sepanjang masa. Beta berdoa semoga negeri Selangor dan seluruh rakyat Beta terus mendapat perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa berusaha untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang dapat diwarisi kepada generasi masa akan datang. Beta turut berharap semua perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan matlamat Selangor negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan tercapai. Beta mengucapkan selamat bersidang.

Sekian,

Wabillahi Taufiq wal Hidayah.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.